

Ketua Hakim Negara dahului senarai penerima darjah kebesaran Melaka

Wan Ahmad Farid
penerima tunggal
DUNM yang
membawa gelaran
Datuk Seri Utama

Oleh Amh Mamat
bhnews@bh.com.my

Ayer Keroh: Ketua Hakim Negara, Datuk Seri Wan Ahmad Farid Wan Salleh mendahului senarai penerima Darjah, Tauliah, Bintang dan Pingat Kebesaran negeri sempena hari jadi Yang di-Pertua Negeri, Tun Dr Mohd Ali Mohd Rustam, semalam.

Wan Ahmad adalah penerima tunggal Darjah Utama Negeri Melaka (DUNM) yang membawa gelaran Datuk Seri Utama.

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Tiong King Sing dan Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Datuk Seri Mohd Nizam Jaafar antara penerima Darjah Gemilang Seri Melaka (DGSM) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Setiasua Kerajaan Negeri, Datuk Wira Azhar Arshad mendahului senarai penerima Darjah Cemerlang Seri Melaka (DCSM) membawa gelaran Datuk Wira bagi sesi pertama semalam.

Penerima lain adalah Ketua Pengarah Kastam, Datuk Wira Anis Rizana Mohd Zainuddin @ Mohd Zainuddin; Naib Canselor Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Leftenan Jeneral Da-



Mohd Ali mengurniakan Darjah Pangkuan Seri Melaka kepada Mohd Rafiq di Balai Istiadat Seri Negeri, Ayer Keroh, semalam. (Foto BERNAMA)

tuk Wira Arman Rumaizi Ahmad; Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Plaza Premium Lounge, Datuk Wira Song Hoi See; Ketua Pegawai Eksekutif SME Development Bank Malaysia, Datuk Wira Mohammad Hardee SN Ibrahim; Pengerusi Badan Amal Kasih Ibu Putrajaya, Datuk Seri Anggraini Sentyaki.

Turut menerima DCSM adalah ahli perniagaan, Datuk Wira Hii Toh Ling; Datuk Wira Ilaia Raja Sagadewan serta Datuk Wira Shamsuri Abdul Majid.

Istiadat penganugerahan itu turut dihadiri Ketua Menteri, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh serta

Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Wira Ibrahim Durum.

Penerima DMSM

Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Dr Shahnaz Sulaiman mendahului senarai penerima Darjah Mulia Seri Melaka (DMSM) yang membawa gelaran Datuk, selain Duta Besar Malaysia ke Russia, Datuk Cheong Loon Lai; Ketua Polis Kedah, Datuk Adzli Abu Shah; Ketua Polis Johor, Datuk Ab Rahman Arsad; Pengarah Urusan Kumpulan Media Prima Berhad, Datuk Mohd Rafiq Mat Razali; Pensyarah Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdul-



Wan Ahmad Farid



Mohd Nizam Jaqfar



Anis Rizana

lah (UMPSA), Prof Madya Datuk Dr Mohd Shahrir Mohd Sani; Presiden dan CEO Bank Muamalat Malaysia Berhad, Datuk Khairul Kamarudin; Pengarah, MSR Green Energy Sdn Bhd, Datuk Tarminder Singh Balwant Singh dan pengasas Les' Copaque Production Sdn Bhd yang menerbitkan kartun animasi *Upin Ipin*, Datuk Burhanuddin Md Radzi.

Darjah Pangkuan Seri Melaka (DPSM) membawa gelaran Datuk danugerahkan kepada Duta Besar Malaysia ke Algeria, Datuk Rizany Irwan Muhammad Mazlan; Penasihat Undang-undang Melaka, Datuk Khairul Azreen Mamat; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Rambai, Datuk Siti Faizah Abd Aziz; ADUN Pantai Kundor, Datuk Tumminah Kadi.

Timbalan Ketua Bahagian Pendakwaan III, Jabatan Peguam Negara, Datuk Kamal Baharin Omar; Ketua Jurualih merangkap Presiden Kelab Bola Sepak Melaka (Melaka FC), Datuk K Devani; ahli perniagaan, Datuk Abdul Rauf Nassiruddin serta Setiasua Politik Ketua Menteri, Datuk Abdul Hakim Abdul Wahid. Turut me-

nerima DPSM adalah pelakon dan model China yang juga Duta Setiakawan Pelancongan Melaka, Datuk Fan Bingbing.

Tauliah Jaksa Pendamai (JP) yang diperkenalkan semula tahun ini, dianugerahkan kepada enam penerima, mereka adalah Timbalan Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Datuk Wira Nur Azmi Ahmad; bekas Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Datuk Wira Ismail Saleh; bekas EXCO Melaka, Datuk Wira Ismail Othman; bekas Ahli Parlimen Kota Melaka, Datuk Wong Nai Chee; ahli perniagaan, Datin Seri Azreen Abu Noh dan Abu Samah Mamat.

Sesi pertama penganugerahan semalam menyaksikan 31 penerima Darjah Seri Melaka (DSM). Antara penerima, pemimpin masyarakat, Moomin Seman; Ketua Polis Daerah Kuantan, Asisten Komisioner Ashari Abu Samah; penceramah motivasi terkenal, Syamsul Amri Ismail atau Syamsul Debat; Pengarang Berita Kanan Berita Harian (BH) yang juga Presiden Persatuan Wartawan Wanita Malaysia (PERTAWA), Sarina Mohd Ali.